

|             |  |            |         |
|-------------|--|------------|---------|
| Headline    | Peneroka Wilayah Jengka dapat pampasan |            |         |
| MediaTitle  | Sinar Harian                           |            |         |
| Date        | 11 May 2016                            | Language   | Malay   |
| Circulation | 279,000                                | Readership | 837,000 |
| Section     | Nasional                               | Page No    | 50      |
| ArticleSize | 168 cm <sup>2</sup>                    | Journalist | N/A     |
| PR Value    | RM 8,598                               |            |         |
|             |  |            |         |



## Peneroka Wilayah Jengka dapat pampasan

**JENGA** - Tenaga Nasional Berhad (TNB) membayar pampasan sebanyak RM3.26 juta kepada 138 peneroka Wilayah Jengka yang terbabit dengan projek izin lalu bagi pemasangan kabel elektrik.

Exco Hal Ehwal Felda Pahang, Datuk Abu Bakar Harun berkata, setiap peneroka terima bayaran antara RM3,000 hingga RM70,000 selepas campur tangan kerajaan negeri supaya TNB membayar pampasan lebih munasabah berbanding tawaran terdahulu.

Menurutnya, pampasan dipersejuaikan dengan mengambil kira ganti rugi sebanyak RM750 sebatang pokok sawit dan RM15,000 sehektar hilang keupayaan tanah yang membabitkan peneroka Felda Jengka 11, 14, 18, 19 dan 20.

“Projek penyaluran voltan 132 KW ini bagi menampung keperluan elektrik yang bertambah di Bandar Tun Abdul Razak Jengka

dan sekitarnya dengan membabitkan tanah serta pokok kelapa sawit milik peneroka tersebut.

“Kerajaan negeri akan terus membela nasib rakyat di luar bandar dan peneroka supaya hasil dan pendapatan mereka tidak terjejas selepas tanah diambil untuk projek pembangunan,” katanya.

Beliau berkata demikian pada majlis penyampaian pampasan TNB kepada 138 peneroka di Felda Jengka 19, kelmarin.

Katanya, TNB dan kerajaan negeri sedang mendapatkan kata putus jumlah pampasan kepada lima peneroka getah yang tercicir daripada mendapat pampasan pada majlis tersebut kerana kadar kerugian berbeza dengan peneroka sawit.

Menurutnya, kerajaan tidak akan biarkan rakyat bermasalah sebaliknya berusaha mengatasinya secara berperingkat-peringkat.



Abu Bakar menyerahkan cek bayaran pampasan kepada peneroka yang terlibat dengan projek berkenaan di Felda Jengka 19.